



Peranan Topeng Sagu Melanau untuk Kaul di Sarawak, Borneo

ABDUL WALID ALI, AWANGKO' HAMDAN & HISHAMUDDIN SIRI
Institut Pengajian Borneo, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), MALAYSIA
Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), MALAYSIA
Email: abdulwalidali@gmail.com

Received: Jan 15, 2020
Accepted: May 08, 2020
Online Published: July 05, 2018

Abstrak

Terdapat banyak acara yang dijalankan dalam Kaul Melanau. Selain daripada menjadi satu ritual untuk pembersihan melalui pemberian kepada Ipok, Kaul juga boleh dilihat sebagai satu seni persembahan bagi etnik Melanau. Kajian seni persembahan Melanau banyak memberi fokus kepada perubatan seperti bebayoh dan juga tarian seladai. Kajian mengenai objek budaya pula banyak melibatkan dakan ataupun belum. Melanau mempunyai persembahan bertopeng dibuat daripada pokok rumbia yang digunakan untuk pelbagai tujuan. Dalam kajian ini, topeng tersebut dinamakan topeng sagu Melanau. Fungsi budaya berdasarkan kepada tradisi dan kesan moderniti dibincangkan dalam kajian ini. Ini dibuat untuk melihat perbandingan antara fungsi asal bertopeng, perubahan konsep bertopeng, dan juga penyesuaian budaya bertopeng ini dalam kebudayaan moden. Untuk menjalankan kajian ini, kajian lapangan telah dibuat di Mukah sebelum Pesta Kaul dan juga semasa Pesta Kaul. Dapat dikenalpasti bahawa terdapat perubahan fungsi penggunaan topeng ini dalam dunia moden kerana faktor penyesuaian.

Kata Kunci: Melanau, Kaul, Topeng, Seni Persembahan, Rumbia

1. Pengenalan

Ritual ialah perkara utama yang perlu dibincangkan dalam seni persembahan tradisi masyarakat Borneo kerana kebanyakan seni persembahan Borneo berasaskan kepada ritual yang mempunyai pelbagai tujuan seperti perubatan, peniruan terhadap persekitaran dan juga untuk memberi keseimbangan kepada dunia realiti dan mistik. Bertopeng dalam masyarakat Borneo mempunyai kesemua perkara ini tadi. Peniruan terhadap haiwan wujud dalam elemen topeng hudok manakala fungsi perubatan topeng terdapat dalam kebudayaan Bidayuh untuk mencari roh yang sesat untuk dikembalikan kepada pesakit. Ini merupakan fungsi asal bertopeng yang diamalkan oleh masyarakat Borneo. Namun begitu, perubahan telah berlaku dengan kehadiran dunia moden apabila praktikaliti kebanyakan kebudayaan tradisi telah berubah mengikut kesesuaian semasa. Walaupun masih banyak tradisi yang dikekalkan oleh masyarakat namun, nilai tradisi ini sudah berbeza. Mengambil contoh penggunaan sape dalam muzik Borneo. Tradisi asalnya ialah untuk tujuan ritual dan tidak boleh dimainkan oleh perempuan. Dunia moden telah menyebabkan tradisi ini berbeza walaupun masih terdapat praktis ritual dalam permainan sape. Perkara ini juga memberi kesan kepada budaya bertopeng dalam masyarakat Borneo. Diperhatikan bahawa, kebanyakan budaya bertopeng tradisi ini telah tidak diamalkan kerana pelbagai faktor. Budaya bertopeng untuk tujuan perubatan sudah semakin berkurangan kerana kehadiran cara perubatan moden. Begitu juga budaya bertopeng untuk tujuan peniruan persekitaran kerana kehadiran topeng moden yang dikenali melalui budaya popular seperti karektor komik dan filem yang popular seperti Batman yang diinspirasi daripada kelawar.

Peranan bertopeng secara tradisi ialah sebagai satu penghubung secara visual untuk menggambarkan wujudnya komunikasi antara dunia manusia dengan alam lain. Kebiasannya, aktiviti ritual ini dilakukan oleh bomoh yang mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi dengan makhluk dalam alam mistik. Permintaan bomoh ini biasanya untuk mendamaikan kedua-dua belah pihak melalui perbincangan dan juga pelbagai cara persembahan selepas bomoh ini tadi menggunakan topeng. Tarian hantu dalam masyarakat Dayak yang mempunyai budaya bertopeng dipercayai boleh membantu komunikasi antara bomoh dan juga alam mistik. Untuk tidak mengganggu keadaan perkampungan, persembahan ini akan dijalankan semasa kanak-kanak telah tidur pada waktu tengah malam (Kassim Ali, 1983). Dapat diperhati bahawa nilai kudus wujud dalam kebudayaan bertopeng ini. Selain daripada untuk mengelakkan kanak-kanak daripada menjadi risau dan takut, persembahan yang dijalankan pada waktu tengah malam ini juga menjadi satu persembahan yang tidak dapat dimainkan tanpa melalui proses ritual yang betul.



Budaya ini bukan sahaja terdapat di kawasan Borneo, malah hampir keseluruhan dunia. Dalam kebanyakan kawasan, dapat diperhatikan bahawa kewujudan topeng yang telah sekian lama diamalkan bukan sekadar untuk sebagai satu ritual atau penghubung kepada dunia lain sepertimana yang diamalkan oleh masyarakat Dayak Borneo. Terdapat juga keadaan, topeng ini digunakan dalam acara masyarakat yang lebih menjurus kepada hiburan dan perarakan. Topeng bukan sahaja digunakan untuk menutup muka; malah digunakan dalam pelbagai cara. Dalam masyarakat orang asal New Zealand, topeng diukir dan diletakkan di penjuru tiang rumah. Ini dipercayai dapat memberi jaminan bahawa roh yang baik akan melindungi rumah tersebut selain daripada penanda kepada ketua utama dalam kawasan itu (Morrison, Geraghty & Crawl, 1994).

Kebanyakan material untuk pembuatan topeng ialah daripada kayu. Kayu tersebut akan diukir mengikut kesesuaian rekaan topeng; digunakan di muka atau dibuat dalam saiz yang lebih besar untuk menutupi keseluruhan badan sepertimana yang dilakukan oleh sebahagian kebudayaan tradisi dunia. Terdapat juga rekaan topeng yang dibuat daripada tanah seperti masyarakat etnik Masoro di Papua. Topeng yang dibuat daripada tanah liat ini kemudiannya digunakan untuk memberi gambaran bahawa mereka merupakan entiti lain kepada kebudayaan lain yang hadir ke kawasan mereka.

Topeng Melanau pula dibuat menggunakan pohon rumbia atau juga dikenali sebagai sagu. Hal ini menjadikan topeng Melanau sedikit berbeza material pembuatannya berbanding kebudayaan lain. Pohon rumbia secara umumnya menjadi sangat rapat dengan Melanau. Daripada proses penerokaan tanah yang dikenali sebagai betalun; menggunakan pohon rumbia sebagai tanda pembukaan tanah, sehingga kepada makanan iaitu makanan berasaskan sagu sebagai makanan ruji dan juga kepada proses perubatan iaitu dengan penggunaan dakan atau belum. Tidak diketahui aka nasal usul kewujudan budaya bertopeng dalam masyarakat Melanau. Namun begitu, budaya ini dipercayai sebagai satu budaya yang dikongsi oleh masyarakat Nusantara dan juga Polinesia. Melanau yang banyak mempunyai persamaan dengan Polinesia; bahasa, ukiran, dan juga ritual seperti membina kelideng dilihat sebagai satu kebudayaan yang telah meresap banyak pengaruh Nusantara. Melanau dilihat mudah untuk terdedah dengan budaya luar kerana kerajaan lama Melanau seperti Barong, Sirik dan Igan misalnya terletak di kawasan yang sungai dan pantai; dahulunya menjadi satu penghubung perdagangan kepada dunia luar. Masyarakat Melanau juga mempunyai hubungan yang baik dengan etnik Orang Ulu seperti Kayan dan dipercayai bahawa Melanau juga berasal dari rumpun keluarga yang sama dengan kebanyakan etnik Orang Ulu. Bahasa dan kebudayaan yang hampir sama juga boleh menjadi rujukan kepada pernyataan ini.

Oleh itu, dapat dilihat bahawa faktor perkongsian kebudayaan telah menjadi salah satu penyebab kepada hadirnya budaya bertopeng dalam Melanau. Budaya ini masih dapat dilihat dalam persembahan Serahang Kakan dalam Kaul Melanau. Pada masa dahulu, Melanau juga bertopeng dalam Pesta Begawa dan bermain Gendang. Ini bukan sahaja terhad kepada Serahang Kakan.

Bertopeng dalam Serahang Kakan akan menjadi tumpuan utama dalam kajian ini selain daripada topeng yang diukir menggunakan rumbia; dalam penulisan ini topeng tersebut akan dinamakan Topeng Sagu untuk konsistensi penulisan. Walaupun terdapat juga topeng yang diperbuat daripada kayu namun, keunikan material dan fungsi Topeng Sagu akan dikupas lanjut dalam kajian ini.

Kajian awalan dibuat melalui kaedah kajian perpustakaan dengan mengambil maklumat berkaitan budaya bertopeng, ritual dan seni persembahan Melanau. Didapati bahawa subjek kajian ini masih belum dikaji dengan mendalam oleh pengkaji terdahulu yang lebih memfokuskan kepada budaya perubatan Melanau dan juga linguistik. Terdapat beberapa laporan mengenai budaya bertopeng ini dan telah diselitkan secara umum dan tidak diterangkan dengan jelas tentang perkara ini memandangkan fokus lebih kepada asal-usul kehadiran budaya Kaul dan juga sedikit maklumat mengenai ritual berkaul. Walaupun terdapat kajian tentang penggunaan pokok sagu dalam masyarakat Melanau seperti kajian yang telah dibuat oleh Hang Tuah Merawin pada tahun 1994 dalam *Sarawak Museum Journal*; perkara berkaitan topeng ini tidak diterangkan. Kajian Hang Tuah juga lebih memberi fokus kepada fungsi lain sagu dan juga pengaruhnya kepada kebudayaan Bidayuh yang terpengaruh dengan menjadikan sagu sebagai satu daripada makanan mereka. Objek budaya yang selalu diberi perhatian daripada pemprosesan topeng ialah dakan dan belum iaitu objek yang digunakan untuk menyembuh penyakit (Tuah Merawin, 1994).

2. Metodologi Kajian

Selain daripada kaedah kajian perpustakaan, kajian kualitatif ini juga disokong dengan menjalankan sesi temubual dengan informan yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan; kebudayaan dan adat resam Melanau; pembuat topeng Serahang Kakan; pengamal aktiviti Kaul dan Serahang Kakan; dan juga penggiat budaya bertopeng dari generasi muda dan yang lebih berusia. Maklumat yang diperolehi ini dibandingkan dengan kajian perpustakaan yang telah dibuat dan



seterusnya persamaan fakta akan menjadi keutamaan kepada pengkaji memandangkan kebanyakan pengamal ritual pagan Melanau yang mempercayai Ipok telah semakin berkurangan. Kebanyakannya kini telah beragama Kristian atau Islam.

Terdapat tiga kajian lapangan dibuat oleh pengkaji. Kajian lapangan pertama ialah kajian lapangan sempena Serahang Kakan. Kajian lapangan kedua dibuat semasa Serahang Kakan dan Kaul tidak dibuat dan dalam kajian lapangan ini, informan mempunyai lebih banyak masa untuk ditemubual dan menerangkan aspek ritual dan juga kepercayaan Melanau secara lebih mendalam. Kajian lapangan ketiga pula dibuat seminggu sebelum Kaul dijalankan dan ini bertujuan untuk melihat persiapan yang akan dibuat oleh pihak yang terbabit dan juga dapat dijadikan sebagai satu perbandingan kepada siri kajian lapangan yang lebih awal. Maklumat yang diperoleh dikumpul dan dianalisis untuk melihat perbandingan dan perbezaan pendapat dan kepercayaan. Keutamaan kepada persamaan fakta oleh semua informan akan diambil dan dijadikan satu rujukan untuk kajian ini.

3. Dapatan dan Perbincangan

Peranan Asal Topeng Sebelum Dunia Moden

Dalam membuat kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa kebanyakan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai informan ialah sama. Ini menjadikan penduduk di kawasan Tellian sebagai satu komuniti yang masih berpegang kepada kepercayaan dan adat yang diamalkan dari turun-temurun. Walaupun terdapat beberapa elemen yang dikurangkan dalam penyampaian fakta kerana faktor kurang pengetahuan terhadap beberapa topik namun, perkara asas kepada adat dan budaya masih lagi sama.

Topeng sagu diperbuat daripada pohon rumbia dan sagu amatlah rapat secara kebudayaannya dalam masyarakat Melanau yang menggunakan sagu untuk pelbagai tujuan seperti makanan ruji, membuat rumah, perubatan dan penerokaan tanah yang dikenali sebagai betalun. Dalam dunia perubatan, belum juga diukir dengan menggunakan rumbia (Chong Chin Seng, 1987).

Dipercayai bahawa topeng sagu ini digunakan untuk melambangkan semangat yang ada dalam masyarakat Melanau. Semangat inilah yang kemudiannya menjadi satu daya penarik untuk Serahang Kakan sehinggakan pemakai topeng perlu hadir dalam sampan utama yang membawa serahang. Sekiranya mereka tiada, Kaul tidak akan dilihat sebagai sempurna (Tommy, 2018; Eduine, 2018; Benedict, 2018; Ruji, 2019). Semasa pengkaji berada di tempat permulaan Kaul pada tahun 2019, kumpulan perarakan yang membawa serahang menunggu pemakai topeng untuk bersedia dan memasuki sampan perarakan. Sampan utama ini tidak akan bergerak tanpa kehadiran pemakai topeng. Dari sini didapati bahawa topeng ini ialah elemen utama dalam Serahang Kakan dan Kaul.

Topeng juga perlulah berpasangan lelaki dan perempuan. Pasangan utama ini akan masuk dalam sampan utama (Benedict, 2018; Ruji, 2019). Topeng lelaki dan perempuan ini boleh digunakan oleh pemakai topeng lelaki atau perempuan. Dalam Serahang Kakan yang dihadiri oleh pengkaji, pengguna topeng utama bagi kedua-dua acara itu ialah lelaki. Untuk memudahkan penulisan ini dan juga konsistensi, topeng utama ini akan ditulis sebagai pasangan topeng utama dalam perenggan seterusnya. Pasangan topeng utama ini digambarkan sebagai kehidupan yang perlu berpasangan untuk memberikan keseimbangan (Ruji, 2019). Namun begitu, dibenarkan untuk pihak lain memeriahkan majlis dengan menggunakan topeng lain selain daripada topeng utama ini tadi. Jumlah yang dibenarkan untuk memeriahkan acara ialah tidak terhad.

Perkara berkaitan keseimbangan ini dilihat sebagai satu cara untuk manusia terutama sekali Melanau pada waktu dahulu untuk sentiasa menyeimbangkan dunia kehidupan seharian dan dunia mistik. Simbol pasangan ini dilihat sebagai satu cara untuk memberi keseimbangan. Dalam perahu utama, terletaknya persembahan topeng sagu yang merupakan satu elemen yang bukan dari dunia realiti berbanding ahli lain yang ada dalam sampan seperti Ulo Kaul, ahli adat dan pemuzik. Nilai pemakai topeng ini dilihat bersamaan dengan beberapa elemen dalam persembahan serahang yang dibawa. Dilihat bahawa topeng sagu ini merupakan elemen bukan reliti sama seperti tetilip itik ieng; itik hitam yang dikatakan milik Ipok dan akan membawa nasib kurang baik sekiranya terjumpa itik ini dalam kumpulan itik biasa.

Topeng asal sagu Melanau dikatakan mengambil inspirasi daripada wajah dakan (Benedict, 2018). Oleh itu, kebanyakan rekaan topeng tidaklah boleh dibuat simetri. Ia perlulah nampak tidak bersesuaian dengan keadaan wajah sebenar. Sekiranya dilihat dakan dalam kebudayaan Melanau, dakan lebih kepada satu objek penyembuhan penyakit. Sama seperti



dinyatakan Heidi Munan (1989) yang menyatakan bahawa penyakit akan dimasukkan dalam dakan dan tidak boleh sesiapa pun menyentuh dakan itu apabila dihanyutkan. Oleh itu, dapat diperhati bahawa peranan topeng lebih menyerupai peranan dakan iaitu sebagai satu pembersihan tetapi dalam cara lain.

Pakaian pemakai topeng juga tidak sama seperti pakaian adat Melanau yang digunakan oleh mereka yang berada dalam sampian utama. Ini menjadikan pemakai topeng ini sebagai satu karektor yang lain daripada mereka yang ada dalam sampian utama. Pemakai topeng ialah simbol kepada alam lain. Ukiran pada topeng juga dilihat ada pengaruh dakan (Tommy, 2018; Benedict, 2019). Pakaian asal pada sebelum ini untuk pemakai topeng ialah daripada kain jut guni. Perkara ini menjadikan kostum yang digunakan oleh pemakai topeng sebagai kurang kemas dan berbeza. Sekiranya diperhati kepada karektor pemakaian dan juga rekaan pada topeng, dapat dikenalpasti bahawa topeng ini ialah satu elemen yang berbeza dengan alam sebenar. Topeng ini mungkin ialah perlambangan kepada pembersihan sama seperti fungsi dakan atau belum. Cumanya, ia dilambangkan dalam fizikal yang lebih besar.

Pada asalnya, topeng diukir dengan sangat menyeramkan (Tommy, 2018). Topeng yang menyeramkan ini nanti akan bertindak sebagai satu elemen yang mengawal aktiviti Serahang Kakan. Sewaktu Serahang sampai ke kawasan pantai dan dibawa ke satu kawasan untuk dipersembahkan kepada Ipok, pemakai topeng akan hadir dengan karektor yang sangat menyeramkan dan akan menakutkan kanak-kanak yang cuba untuk mengganggu acara ini (Tommy, 2019). Ini membantu supaya acara ritual ini dapat dijalankan dengan lebih baik malah menjadikan acara ini dilihat sebagai satu acara yang perlu diambil perhatian secara serius oleh banyak pihak. Jumlah pengguna topeng yang semakin banyak akan membantu mengawal keadaan yang lebih baik malah akan membantu menjadikan acara ini lebih tersusun dan lebih baik. Tidak diketahui secara jelas akan perkara yang dibuat oleh pengguna topeng selepas acara Serahang Kakan selesai. Namun begitu, dinyatakan bahawa topeng yang digunakan tidak boleh dibuang untuk tempoh dua atau tiga hari. Hal ini kerana, topeng tersebut masih hidup dan tidak boleh dibuang sebarang sebelum semangat itu tidak pulang kepada asalnya (Ruji, 2019). Dapat dikenalpasti bahawa, topeng pada asalnya ialah untuk sebagai satu simbol kepada alam lain, semangat dan juga digunakan untuk menakutkan kanak-kanak yang hadir dan mengganggu acara Serahang Kakan.

Topeng asal sangat menyeramkan malah sangat ditakuti oleh kanak-kanak (Tommy, 2018). Perkara ini juga dinyatakan oleh kumpulan yang lebih berusia di dalam kalangan Melanau Mukah. Kanak-kanak ialah kumpulan manusia yang masih suka untuk membuat eksplorasi. Dalam kebanyakan perkara, mereka akan cuba untuk melakukan pelbagai perkara. Dalam kebanyakan keadaan, kanak-kanak akan menyentuh sesuatu dan meletakkannya dalam mulut. Mereka juga menganggap kebanyakan perkara yang mereka lihat sebagai satu perkara baharu dan ini menyebabkan kanak-kanak akan lebih banyak bermain dan bergembira.

Aktiviti ritual seperti Serahang Kakan ini tidaklah boleh dibuat bermain. Ada terdapat banyak pantang larang yang perlu mereka patuhi. Dalam kebanyakan ritual, sekiranya perkara ini tidak dipatuhi, akan berlaku perkara yang tidak diinginkan seperti bencana dan kesukaran. Pernah terdapat satu kejadian apabila kumpulan muzium negeri ingin membawa kelirieng dari Mukah ke Kuching. Mereka tidak mematuhi salah satu daripada pantang larang oleh keturunan kelirieng itu, iaitu perlu dibaluti dengan kain. Akibatnya, kelirieng itu tidak dapat didirikan dan sekarang disimpan di muzium Sarawak Jalan Sekama (Leonard, 2018; Eduine, 2018).

Daripada pernyataan ini, dapat dilihat bahawa perkara berkaitan pantang larang dan ritual amatlah perlu diambil perhatian. Oleh itu, keberadaan pemakai topeng dalam Serahang Kakan ialah untuk mengawal keadaan dan juga membantu kelancaran Serahang Kakan. Malah aktiviti kaul itu sendiri tidak boleh dibuat sebarang kerana kewujudan asal kaul ialah untuk pembersihan kampung (Morris, 1981). Begitu jugalah peranan topeng ini tadi memandangkan topeng ini sebahagian daripada keseluruhan kaul.

Peranan Topeng Dunia Moden

Dalam dunia moden, topeng sagu ini lebih kepada satu simbol untuk Serahang Kakan. Kepercayaan bahawa keperluan untuk adanya topeng tersebut dalam Serahang Kakan masih tidak berubah. Sehingga kini, keperluan topeng itu amat penting dan sekiranya tiada topeng tersebut, persembahan tidak akan dijalankan. Fungsi utamanya iaitu untuk menjadi lambing semangat Melanau masih tidak berubah dalam dunia moden. Ini menjadikan topeng ini sebagai satu perkara yang perlu diambil perhatian yang tidak boleh diambil mudah.

Sekiranya kita melihat kepada rekaan topeng sagu utama kini, kita dapat melihat bahawa topeng sagu ini dibuat dengan lebih mudah rekaannya. Nilai keseraman dalam topeng ini tidak dapat lagi dilihat dengan jelas seperti rekaan asal yang lebih kompleks dan dibuat nilai keseraman seperti mata yang kasar, bertaring, bergigi tajam dan apa sahaja rekaan yang



menunjukkan topeng ini sebagai satu semangat yang perlu ditakuti. Rekaan ini menjadi lebih mudah selepas pereka topeng utama iaitu Hatt Ruji lebih menekankan nilai mudah ini. Beliau yang telah membuat topeng utama sejak lebih daripada 10 tahun telah menjadikan rekaan ini sedikit berubah daripada rekaan asal. Hatt (2019) juga percaya bahawa rekaan topeng moden perlu lebih terbuka dan banyak pilihan malah beliau juga menggalakkan untuk keperluan kehadiran pembuat topeng. Disebabkan oleh perubahan rekaan ini maka, berlaku perubahan peranan topeng dalam Serahang Kakan. Walaupun topeng sebagai satu simbol yang penting dalam persembahan masih dikekalkan namun, peranan topeng sugu utama selepas naik sampan utama sehinggalah persembahan tamat sudah berbeza. Daripada siri kajian lapangan yang telah dibuat pengkaji, pemakai topeng sugu dilihat lebih mesra dengan orang awam. Daripada permulaan perjalanan sampan sehinggalah sampai di kawasan pantai. Pemakai topeng dilihat melambai-lambai penonton dan bergembira di atas sampan. Tindakan ini konsisten sehingga kepada apabila dia berada di pantai dan sehingga tamat upacara.

Dahulu, kanak-kanak dan juga pelawat cuba untuk menjauihi pemakai topeng dan akan ketakutan kerana keseraman yang dihasilkan oleh topeng itu. Kini, kebanyakan pelawat sudah mula mesra dengan topeng itu. Mereka juga banyak yang mengambil gambar di samping bermesra dengan pemakai topeng. Ini berbeza dengan perkara yang berlaku sewaktu dahulu. Sikap yang ditunjukkan oleh pemakai topeng yang lebih mesra pelawat dan penonton menjadikan lebih ramai menganggap topeng ini sebagai satu simbol yang boleh untuk diambil gambar bersama. Keadaan ini dapat disamakan dengan kewujudan Santa Claus dalam kebudayaan barat. Santa Claus ialah satu simbol atau ikon yang perlu ada untuk menyatakan sambutan krismas. Santa Claus ini juga sangat mesra kanak-kanak. Dari sudut sejarah kewujudan watak ini, sememangnya berbeza kerana peranan asal Santa Claus yang lebih kepada mencerikan kanak-kanak dengan memberi hadiah berbanding topeng sugu yang lebih kepada membuat kanak-kanak ketakutan dan tidak mengganggu sebarang aktiviti dalam Serahang Kakan.

Sekiranya dilihat dari aspek teater, watak topeng sugu ini telah mula berubah daripada satu watak yang menyeramkan kepada watak yang lebih mesra dengan orang ramai. Topeng sugu ini masih lagi watak protagonis dalam persembahan serahang kakan namun, perwatakan dia sudah berbeza. Seolah-olah dilakonkan oleh pelakon lain dengan stail lakonan yang lain. Kostum yang digunakan oleh watak topeng ini juga sudah berbeza. Sekiranya mengikut kepada tradisi asal, pakaian topeng ini ialah kain guni jut yang lusuh dan buruk. Semakin buruk satu pakaian itu, semakin bagus nilai yang ada pada topeng itu kerana perkara utama yang diperlukan sebelum ini ialah dapat memberi nilai keseraman kepada orang awam. Topeng sugu kini pakaiannya lebih kepada pakaian moden dan dipakai dalam aktiviti harian. Mengambil contoh kostum yang digunakan oleh pemakai topeng utama pada tahun 2018 dan 2019. Baju kemeja lama dan berseluar jeans digunakan oleh pemakai topeng lelaki di samping menggunakan sarung tangan putih. Pengguna topeng perempuan pula menggunakan baju kurung atau baju kebaya. Belum lagi ditemui oleh pengkaji pengguna topeng menggunakan pakaian baju T yang mempunyai corak di depannya. Setakat ini, pakaian yang pernah dilihat ialah pengguna topeng akan menggunakan pakaian baju seni pertahanan diri. Kemungkinan untuk pakaian baju T juga wujud cumanya, tidak pernah ditemui pengkaji sepanjang membuat kajian lapangan.

Pengguna topeng utama akan sentiasa bersama dengan Ulo Kaul dan juga serahang. Perkara ini menunjukkan bahawa peranan watak ini untuk mengawal keadaan persembahan Serahang Kakan masih wujud walaupun perwatakannya kini sudah berbeza menjadi satu karektor yang lebih mesra dengan penonton. Terdapat juga pengguna topeng lain yang hadir untuk memeriahkan suasana bertopeng ini. Dalam erti kata lain, dalam dunia moden, budaya bertopeng ini sudah menjadi satu pesta bertopeng. Sama seperti zaman dahulu, tetapi kemeriahannya kurang dalam tempoh dua tahun 2018 dan 2019. Nilai eksklusif pemakai topeng perlulah dikekalkan dan mereka tidak boleh diketahui sebagai pemakai topeng sepanjang persembahan berjalan walaupun kini orang awam sudah boleh mendekati mereka (Hatt Ruji, 2019). Nilai ini masih dikekalkan sama seperti keadaan pada zaman dahulu. Perkara ini menunjukkan terdapat pengekalan budaya yang masih perlu diamalkan untuk mengekalkan idenditi budaya bertopeng.



Rajah 1: Topeng dibuat daripada bahagian dahan sagu. Proses mengambil dahan yang sesuai dibuat oleh Benedict Peter.



Rajah 2: Pengukir mengukir topeng untuk memeriahkan Kaul



Rajah 3: Topeng yang dihasilkan pengukir Benedict



Rajah 4: Simpanan peribadi pengkaji. Digunakan untuk Kaul tahun 2018.



Rajah 5: Pasangan bertopeng lelaki dan perempuan tahun 2018.



Rajah 6: Gambar topeng memerihkan Kaul yang diambil oleh Pawan Ako pada tahun 2011 (Abuseman, 2020).



Rajah 7: Ukiran topeng Maclester untuk perahu berhias Tommy Black Lang memeriahkan Kaul.



Rajah 8: Gambar topeng Kaul ("Kaul Mukah", 2020).



Rajah 9: Gambaran topeng lama ("The Melanau Calendar", 2011)

4. Kesimpulan

Daripada kajian lapangan dan juga kajian perpustakaan yang dibuat oleh pengkaji, didapati bahawa terdapat beberapa elemen budaya yang masih dikekalkan. Peranan utama topeng sebagai satu pelengkap Serahang Kakan masih dikekalkan. Nilai eksklusif pengguna topeng utama juga dikekalkan dengan menyembunyikan identiti pengguna topeng dari awal persembahan sehinggalah tamat persembahan. Selain itu, nilai pakaian lama masih dikekalkan. Perbezaannya ialah dahulu, mereka menggunakan kain jut guni – kini menggunakan pakaian harian yang telah lama.

Sekiranya diperhatikan kepada perbezaan, faktor pereka topeng dan juga perkembangan zaman telah membuat peranan bertopeng sudah sedikit berbeza. Dahulu, topeng ini digunakan untuk menakutkan kanak-kanak dan mengawal keadaan Serahang Kakan. Kini, penggunaan topeng lebih kepada mengiringi Ulo Kaul selain daripada pelengkap kepada Serahang Kakan. Rekaan yang lebih mudah dan kurang menyeramkan ditambah dengan sikap yang ditunjukkan oleh pemakai topeng yang lebih mesra menjadikan pemakai topeng sebagai satu ikon. Kebanyakan orang awam yang hadir mengambil gambar bersama dengan topeng ini dan menjadikan pengguna topeng sebagai satu keunikan dalam persembahan Serahang Kakan selain daripada ritual utama.

Nilai tradisi topeng dengan menggunakan medium dahan sagu untuk proses pembuatan masih dikekalkan walaupun kini sudah dapat pelbagai teknologi. Dapat diperhatikan bahawa topeng sagu dan topeng yang dibuat daripada kayu sahaja yang terdapat dalam persembahan Serahang Kakan. Ini menjadikan kebudayaan ini unik dan perlu untuk dikekalkan sebagai satu nilai kesenian. Tujuan asal topeng dikenalpasti untuk mengawal keadaan ritual supaya tidak diganggu oleh anak kecil di samping membantu memeriahkan suasana ritual (Tommy Black, 2018; Eduine Kusai, 2018).

Diharap semoga akan ada kajian yang lebih mendalam dibuat terhadap kebudayaan ini kerana tidak terdapat banyak kebudayaan Nusantara yang menggunakan topeng yang diperbuat daripada pokok sagu. Kebiasaannya material pembuatan ialah kayu. Daripada kajian yang telah dibuat, sememangnya sukar untuk mendapatkan rujukan berkaitan topik topeng sagu Melanau. Tidak terdapat lagi kajian yang mendalam mengenai budaya ini telah menjadikan kajian ini sebagai unik dan perlu dikaji secara lebih mendalam oleh pengkaji kebudayaan Melanau baharu nanti.



Penghargaan

Penghargaan terima kasih kepada Kursi Nusantara (F03/NRC/1652/2018) yang menyokong kajian ini.

Rujukan

- Abuseman, H. (2012). *Kaul Festival In Mukah*. Dimuat turun daripada <http://catscityhornbillland.blogspot.com/2012/05/kaul-festivalpulek-likou-and-miteang.html>
- Benedict Bin Peter. (2018). *Topeng Melanau Untuk Kaul* [Temu Bual]. Mukah.
- Eduine Kusai. (2018). *Kepercayaan dan Adat Resam Melanau* [Temu Bual]. Mukah.
- Hang Tuah Merawin. (1994). *Material Culture In Sarawak: The Sago Connexion*.
Sarawak Museum Journal, No. 68, 17 – 35
- Hatt Bin Rujji. (2019). *Topeng Melanau Untuk Serahang Kakan* [Temu Bual]. Mukah.
- Kaul Mukah. (2016). Dimuat turun daripada <http://melanauborneo.blogspot.com/2016/04/kaul-versi-mukah.html>
- Leonard Darimi. (2018). *Gambaran Kebudayaan Melanau dan Jerunei* [Temu Bual]. Mukah.
- Mohd. Kassim Haji Ali. (1983). *Masks of Sarawak in the collection of Muzium Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Museums Association of Malaysia
- Morris, H.S. (1981). *The Melanau View Of Their Environment*.
Sarawak Museum Journal, No. 50, 27 - 53
- Morrison, R., Geraghty, P., & Crowl, L. (1994). *Science of Pacific Island peoples*. Institute of Pacific Studies.
- Munan, H. (1989). *Sarawak crafts*. New York: Oxford University Press.
- Seng, C. (1987). *Traditional Melanau woodcarving (bilum) in Dalat, Sarawak*. Kuching, Sarawak: Persatuan Kesusasteraan Sarawak.
- The Melanau Calendar. (2011). Dimuat turun daripada <http://learnmelanau.nativeglot.com/2011/01/melanau-calendar.html>
- Tommy Black Mark Lang. (2018). *Kepercayaan dan Adat Resam Melanau* [Temu Bual]. Mukah.
- Tommy Black Mark Lang. (2019). *Minggu Persiapan Untuk Serahang Kakan* [Temu Bual]. Mukah.